



Oleh **Eldhwan Haque**
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

21,378 GUNA PLKS PALSU

Warga asing terbabit akan diusir selepas melalui proses tertentu, kerugian cukai levi dianggarkan RM4.7j

Seurang-kurangnya 21,378 warga asing majoritinya rakyat Indonesia, Bangladesh dan Pakistan dikesan berkeliranan 'bebas' di negara ini menggunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) palsu.

Difahamkan warga asing ini membeli PLKS palsu di beberapa sindiket penggodam sistem pangkalan data jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada harga antara RM6,000 hingga RM8,000 setiap satu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, pihaknya mula memburu warga asing menggunakan PLKS palsu berkenaan sejak tahun lalu.

Di samping itu, beliau berkata, pemegang PLKS palsu berkenaan membabitkan pekerja dan majikan pelbagai sektor termasuk perladangan, perkilangan dan perkhidmatan pembersihan.

"Pada tahun lalu, ada beberapa tangkapan dibuat khususnya warga Bangladesh yang menggunakan PLKS palsu.

"Setakat ini, sindiket itu yang aktif sejak beberapa tahun lalu didapati tidak membabitkan negara pembekal warga asing. Mereka yang menggunakan pas PLKS palsu

adalah dalam kalangan individu dan majikan.

"Data pekerja asing ada dalam sistem. Jika kita dapati mereka guna PLKS palsu, mereka akan ditahan dan diusir keluar dari negara ini selepas melalui proses tertentu," katanya ketika ditemui pada sidang media di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki.

"Kerugian cukai levi yang ditanggung oleh kerajaan angkara sindiket menjual PLKS palsu ini bernilai kira-kira RM4.7 juta dengan setiap PLKS sah dikenakan bayaran sebanyak antara RM600 hingga RM1,600 bergantung kepada sektor yang dimohon,"

katanya.

Harian Metro semalam melaporkan sindiket PLKS palsu tumpas susulan penahanan lima individu termasuk seorang berpangkat Datuk menerusi operasi besar-besaran awal pagi kelmarin.

Operasi SPRM dengan kerjasama Imigresen itu turut dapat merungkil kegiatan sindiket itu yang menyebabkan ketirisan ratu-

san juta ringgit hasil kepada kerajaan yang sepatutnya diperolehi daripada levi pekerja asing.

Sindiket didakwa beroperasi di hotel mewah sekitar ibu kota yang dijadikan markas untuk menghasilkan PLKS palsu sebelum dijual.

“
jika mereka
guna PLKS palsu,
mereka akan
ditahan dan diusir
Khairul Dzaimie



'Orang dalam' dipercayai bantu godam sistem

Kuala Lumpur: Sistem pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak mungkin dapat digodam tanpa pembabitian 'orang dalam' serta bekas kakitangan jabatan itu yang dibuang kerja sebelum ini.

Perkara itu didedahkan Ketua Pengarah JIM, Datuk Khairul Dzaimie Daud susulan kejayaan pihaknya bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket pemalsuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) palsu kelmarin.

Sindiket itu yang didalangi seorang lelaki bergelar Datuk mengakibatkan kerugian ber-



AZAM

atus juta ringgit kepada kerajaan.

Beliau berkata, pihaknya yakin kegiatan haram berke-

naan didalangi bekas kakitangan jabatan itu yang sudah berhenti dari perkhidmatan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, JIM juga percaya wujud pembabitian pegawai dan kakitangan jabatan itu yang masih berkhidmat walaupun tangkapan belum dilakukan pasukan khas ditubuhkan setakat ini.

"Kami percaya bekas kakitangan JIM mempunyai maklumat berhubung sistem PLKS dan bersekolong dengan sindiket ini untuk menggodam sistem yang boleh mencetak PLKS palsu," katanya.

Beliau berkata, siasatan pi-

haknya mendapati sindiket meletakkan router (alat penghala) di lobi dan komputer pegawai di JIM bagi menggodam pangkalan data.

"Router ini berfungsi bagi membolehkan kata laluan khas pegawai JIM digodam," katanya ketika ditemui dalam sidang media di Pejabat SPRM Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha SPRM, Datuk Seri Azam Baki.

Menurut Khairul Dzaimie, walaupun berjaya menggodam sistem PLKS JIM, sindiket berkenaan masih belum berjaya menukar status se-

narai hitam warga asing bagi membolehkan mereka bekerja kembali di negara ini.

Sementara itu, Azam berkata, jumlah keseluruhan siasatan membabitkan sindiket ini bernilai RM25.5 juta merangkumi wang tunai, kereta dan jam tangan mewah serta rumah.

Beliau berkata, SPRM juga membekukan 147 akaun milik 30 individu dan 11 syarikat dengan nilai RM9.9 juta.

"Jumlah tangkapan masih kekal lima suspek termasuk seorang bergelar Datuk berusia 33 hingga 43 tahun di Kuala Lumpur dan Sungai Petani, Kedah.



LIMA individu termasuk seorang bergelar Datuk direman enam hari.

Lima direman termasuk Datuk

Shah Alam: Lima individu termasuk seorang bergelar Datuk direman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes sindiket pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) palsu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret, Fatina Amyra Abdul Jalil terhadap lima individu berusia 33 hingga 43 tahun berkenaan.

Terdahulu, semua individu terbabit yang ditinggi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di Mahkamah Shah Alam pada jam 9 pagi.

Semalam, media melaporkan sindiket pengeluaran PLKS tumpas dengan penahanan lima individu termasuk seorang bergelar Datuk menerusi operasi besar-besaran.

Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Jabatan Imigresen itu turut dapat merungkal kegiatan sindiket itu yang menyebabkan ketirisan ratusan juta ringgit hasil kepada kerajaan yang sepatutnya diperolehi daripada levi pekerja asing.

Sumber berkata, semua individu berkenaan ditahan da-

lam operasi di 22 lokasi sekitar Kuala Lumpur sejak awal pagi tadi. Semua mereka berusia antara 33 hingga 43 tahun ditahan hasil risikan SPRM dan Imigresen sejak setahun lalu.

"Sindiket ini dengan kerjasama 'orang dalam' dapat menggodam pangkalan data Imigresen dengan memasang pemancar (transmitter) untuk membolehkan anggota sindiket menukar kata laluan pegawai Imigresen dan seterusnya mencetak PLKS dari pusat operasi mereka di luar pejabat Imigresen," kata sumber itu.

Individu 'penting' dalam radar SPRM

Kuala Lumpur: Beberapa individu 'penting' kini berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki mempunyai kaitan dengan sindiket 'kartel projek' ditumpaskan Isnin lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan lanjut masih giat dijalankan SPRM walaupun suspek utama sudah ditahan.

Katanya, tangkapan terakhir setakat ini membabitkan seorang penjawat awam yang kini ditahan untuk siasatan lanjut.

"SPRM tidak tolak kemungkinan akan ada tangkapan baru membabitkan kes ini (kartel projek).

"Tangkapan terakhir setakat ini membabitkan seorang penjawat awam (juru ukur jabatan kerajaan)," katanya dalam sidang media di Pejabat SPRM Kuala Lumpur di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pen-

garah JIM, Datuk Khairul Dzaimie Daud.

Sumber berkata, sebanyak 644 akaun individu dan syarikat dianggarkan bernilai RM300 juta turut dibekukan dalam siasatan kes kartel projek.

Kartel projek diketuai seorang ahli perniagaan berusia 47 tahun itu dikesan membolot projek-projek kerajaan menerusi tender dan sebaharga bernilai lebih RM3.8 billion.

Difahamkan, sindiket ini sudah beroperasi sejak tahun 2014 hingga 2021.

Kemewahan yang ditunjukkan Datuk yang juga ketua sindiket ini amat luar biasa apabila memiliki wang tunai dan aset dianggarkan bernilai ratusan juta ringgit.

Dalam serbuan di rumahnya kelmarin, SPRM merampas wang tunai berjumlah RM1.5 juta selain beberapa kenderaan mewah bernilai RM15.7 juta yang turut disita.

SEBAHAGIAN barangan rampasan dipamerkan pada sidang media di Pejabat SPRM, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur, semalam.



PERALATAN memproses PLKS palsu yang dirampas.

